

# Dr. M puas hati persiapan Sidang Kemuncak OIC

UM 1 1 SEP 2003

PUTRAJAYA 10 Sept – Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berpuas hati dengan persiapan bagi menghadapi Sidang Kemuncak Ke-10 Pergerakan Negara-Negara Islam (OIC) di sini, bulan depan.

Menurut Perdana Menteri, persiapan di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), tempat berlangsungnya Sidang Kemuncak OIC itu berjalan lancar.

“Kemudahan-kemudahan yang saya lihat adalah mencukupi termasuk sis-

tem bunyi, nombor satu,” katanya selepas mendengar taklimat persiapan Sidang Kemuncak Ke-10 OIC di PCC di sini, hari ini.

Sidang Kemuncak OIC itu akan berlangsung pada 11 hingga 18 Oktober depan.

Hadir sama mendengar taklimat itu ialah isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Persiapan lain yang turut diberi perhatian penting ialah hotel penginapan peserta serta kenderaan pengiring.

Katanya, Malaysia mengambil kira pengalaman menganjurkan persidangan antarabangsa sebelum ini termasuk Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) pada Februari lepas dan Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM) pada 1989.

Beliau menjelaskan, semua kerja-kerja persiapan

itu akan didokumenkan untuk dijadikan panduan apabila negara menganjurkan mesyuarat penting pada masa akan datang.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, sebanyak 17 ketua negara anggota OIC, telah menyatakan kesediaan mereka menghadiri sidang kemuncak kali ini.

“Yang lain ada bagi jawab mulut dan itu belum diambil kira, kita yakin jumlah mereka (yang datang) besar,” katanya.